

Pelanggan yang dihargai,

Akaun Semasa-i/ Akaun Simpanan-i berasaskan Komoditi *Murabahah*

Kami ingin memaklumkan bahawa kontrak Syariah yang digunakan untuk Akaun Semasa-i dan/atau Akaun Simpanan-i ("CASA-i) anda yang sedia ada akan diubah daripada *Wadi'ah Yad Dhamanah* (Simpanan Terjamin) kepada Komoditi *Murabahah (Tawarruq)* berkuat kuasa dari **18/9/2017**.

Apakah Komoditi *Murabahah (Tawarruq)*?

Ia merujuk pada dua kontrak jual beli iaitu

1. Penjualan aset kepada pembeli atas dasar tertunda.
2. Penjualan aset kepada pihak ketiga atas dasar tunai.

Di bawah aturan ini, anda akan melantik kami sebagai ejen anda untuk transaksi pembelian dan penjualan aset tersebut.

Penukaran ini akan dijalankan tanpa sebarang kos ke atas anda. Pada masa yang sama, nombor akaun anda dan sebarang operasi yang sedia ada atau aturan pembayaran contohnya, transaksi mesin layan diri, arahan tetap, auto debit dan sebagainya, akan kekal tanpa sebarang perubahan.

Produk yang terlibat dalam penukaran ini adalah seperti berikut:

No.	Produk	Jenis Deposit
1.	Akaun Simpanan Asas-i	Simpanan
2.	Akaun-i Savers G.A.N.G	Simpanan
3.	Akaun Semasa Asas-i	Semasa
4.	Akaun Semasa-i	Semasa
5.	Akaun Harian-i (Penyelesaian-i Family First)	Semasa
6.	Akaun Simpanan Khas-i (Penyelesaian-i Family First)	Simpanan

Nota: Layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)

Sila layari laman web kami melalui www.ambankgroup.com untuk melihat Soalan Lazim dan Terma dan Syarat Khusus bagi Akaun Semasa-i/ Akaun Simpanan-i Berasaskan Komoditi *Murabahah*.

Sekiranya anda tidak ingin kontrak Syariah untuk akaun sedia ada anda ditukar kepada Komoditi *Murabahah (Tawarruq)*, sila maklumkan kepada kami secara bertulis dalam tempoh 21 hari dari tarikh surat ini. Jika kami tidak mendapat sebarang maklum balas daripada anda dalam tempoh yang ditetapkan tersebut, ianya akan dianggap sebagai kebenaran dan persetujuan anda terhadap terma dan syarat yang dinyatakan di atas dan kami akan meneruskan untuk menukar akaun sedia ada anda secara automatik kepada CASA-i yang baru berasaskan Komoditi *Murabahah (Tawarruq)*.

Untuk pemegang buku simpanan, terma dan syarat baru yang disediakan di laman web akan menggantikan terma dan syarat sedia ada yang terdapat di dalam buku simpanan anda. Anda akan menerima buku simpanan baharu semasa melakukan transaksi anda yang berikutnya di mana-mana cawangan. Walau bagaimanapun, untuk memudahkan penggunaan, lebih kemudahan dan demi menyokong persekitaran yang lebih hijau, kami menggalakkan anda untuk beralih kepada akaun tanpa buku simpanan.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut, sila kunjungi cawangan kami yang terdekat atau hubungi Pusat Panggilan kami melalui 03-2178 8888. Maklumat terkini mengenai pelaksanaan penukaran juga akan dipaparkan dari semasa ke semasa di laman web kami.

Terima kasih kerana berurusan dengan kami.

Yang benar,

AmBank Islamic Berhad (295576-U)

Surat ini adalah cetakan komputer. Tandatangan tidak diperlukan.